



BERJAYA SOMPO INSURANCE



Polisi

# SOMPO TravelSafe

**Berjaya Sompo Insurance Berhad**  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank,  
105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.  
Talian Bebas Tol: 1-800-889-933  
Tel.: 03-2170 7300  
E-mel: customer@bsompo.com.my  
Laman Web: www.berjayasompo.com.my

Lihat untuk  
lebih banyak produk



STS0823

# Isi Kandungan

NOTIS PENTING .....	3
PERSETUJUAN KAMI.....	4
KEWAJIPAN PENDEDAHAN.....	4
DEFINISI.....	4
APA YANG KAMI LINDUNGİ .....	7
MANFAAT 1 - PERBELANJAAN PERUBATAN & LAIN-LAIN.....	9
MANFAAT 2 - KEMALANGAN DIRI.....	10
MANFAAT 3 - PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN & REPATRIASI.....	10
MANFAAT 4 - KESULITAN PERJALANAN DAN MANFAAT-MANFAAT LAIN BERKAITAN PERJALANAN ....	11
PENGECUALIAN AM (TERTAKLUK KEPADA SEMUA MANFAAT).....	16
BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN.....	17
BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN.....	17
BAGAIMANA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA .....	18

## NOTIS PENTING

Ini adalah Polisi SOMPO TravelSafe **Anda**. **Anda** harus berpuas hati bahawa Polisi ini akan memenuhi keperluan **Anda** dengan sebaik-baiknya. **Anda** harus membaca dan memahami terma, syarat dan waranti Polisi dan membincangkan dengan ejen **Anda** dan / atau dengan **Kami** secara langsung untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan/ atau menjelaskan apa-apa keraguan yang **Anda** miliki, sebelum **Anda** membeli Polisi ini.

**Anda** mesti mematuhi dan memenuhi terma, syarat dan waranti Polisi ini sepenuhnya untuk menikmati perlindungan yang diberikan.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang pertanyaan selepas membaca dokumen-dokumen ini, sila hubungi Kami untuk penjelasan lanjut.

Jika terdapat sebarang perubahan dalam akuan **Anda** yang mungkin menjelaskan insurans yang diberikan, sila maklumkan kepada **Kami** dengan segera, kalau tidak, **Anda** tidak boleh menerima manfaat daripada Polisi ini.

Sila baca terma dan syarat Polisi ini dengan teliti, dan sekiranya terdapat kesilapan atau salah huraian di sini, atau sekiranya perlindungan yang diberikan tidak sesuai dengan kehendak **Anda**, sila kembalikan Polisi ini kepada **Kami** segera untuk pindaan.

Polisi ini juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris. Jika **Anda** perlukan salinannya, sila memuat turun salinan dari [www.berjayasompo.com.my](http://www.berjayasompo.com.my).

Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan berkenaan dengan Polisi ini, sila hubungi:

### UNIT ADUAN – PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Berjaya Sompo Insurance Berhad  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank  
105 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2170 7300  
Talian Bebas Tol : 1-800-889-933  
Fax : 03-2170 4800  
E-mel : [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan maklum balas Kami, **Anda** boleh memilih untuk menghubungi sama ada:

### OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel. : 03-2272 2811  
Fax : 03-2272 1577  
E-mel : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman Web : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

### LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)

Bank Negara Malaysia  
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, Tingkat Bawah, Blok D  
No. 10, Jalan Dato Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Talian Bebas Tol : 1-300-88-5465  
Tel : 603-2698-8044 / 2698 9044 / 9179 2888  
Fax : 03-2174 1515  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)  
eLINK : [telelink.bnm.gov.my](http://telelink.bnm.gov.my)  
SMS : 15888

## PERSETUJUAN KAMI

Polisi ini bersama-sama dengan **Jadual Polisi** dan sebarang **Pengendorsan** mesti dibaca bersama kerana ia membentuk kontrak insurans **Anda** dengan **Kami**. Dokumen-dokumen ini menggambarkan terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Anda** dan **Kami** dan dikeluarkan sebagai balasan terhadap pembayaran premium sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan apabila **Anda** memohon untuk Polisi ini dan pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** antara masa pengemukaan apabila **Anda** memohon kontrak Insurans ini dan masa kontrak ini dibuat.

## KEWAJIPAN PENDEDAHAN

**Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak membuat sebarang salah nyataan. **Anda** harus menjawab soalan-soalan secara lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dalam menjawab pertanyaan boleh mengakibatkan pengelakkan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan tuntutan **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**. Sekiranya berlaku sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan **Anda** dan dalam pendedahan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenakan.

**Anda** mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, mana-mana maklumat yang diberikan apabila **Anda** memohon insurans ini tidak tepat atau telah berubah.

Pada masa pembelian Polisi ini dan pada bila-bila masa semasa kesahihan kontrak insurans ini, **Anda** mesti dengan segera memaklumkan kepada **Kami** tentang sebarang insurans lain yang **Anda** beli yang menyediakan jenis perlindungan yang sama dengan perlindungan yang diinsuranskan di bawah kontrak insurans ini.

## DEFINISI

Sesetengah perkataan dan ungkapan di dalam Polisi ini telah dicetak dengan huruf **tebal** kerana perkataan dan ungkapan tersebut telah diberikan makna yang khusus seperti berikut:

### Kemalangan

Peristiwa mengejut, tidak sengaja, tidak diduga, luar biasa dan khusus yang berlaku pada masa dan di tempat yang boleh dikenal pasti yang mana, secara bebas daripada sebarang sebab lain, menjadi satu-satunya penyebab **Kecederaan**.

### Ujian Diagnostik COVID-19

#### Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag)

Ujian yang ditadbir secara profesional untuk COVID-19 dan merupakan ujian diagnostik pantas yang menganalisis spesimen pernafasan atas **Anda**, mencari protein khusus daripada virus yang secara langsung mengesas kehadiran atau ketidaaan antigen virus SARS-CoV-2 yang menyebabkan COVID-19. Ujian positif bermakna Anda berkemungkinan menghidap COVID-19 manakala ujian negatif bermakna Anda mungkin tidak mempunyai COVID-19 pada masa ujian.

#### Polymerase Chain Reaction (PCR)

Ujian yang ditadbir secara profesional untuk COVID-19 dan merupakan ujian molekul yang menganalisis spesimen pernafasan atas **Anda**, mencari bahan genetik (asid ribonukleik atau RNA) virus SARSCoV- 2, yang menyebabkan COVID-19. Ujian positif bermakna **Anda** mungkin menghidap COVID-19. Ujian negatif bermakna **Anda** mungkin tidak mempunyai COVID-19 pada masa ujian.

### COVID-19

Penyakit berjangkit yang menyebabkan sindrom pernafasan akut teruk dan disebabkan oleh virus (SARS-CoV-2).

### Anak/ Anak-anak

Anak/ Anak-anak **Anda** yang tidak bekerja dan bujang yang berumur antara 30 hari dan 18 tahun (termasuk kedua-dua umur) atau sehingga 23 tahun bagi yang mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa di mana-mana institusi pengajian tinggi.

### Kemudahan yang Ditetapkan

Kemudahan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan tempatan untuk menyediakan perkhidmatan kuarantin kepada mereka yang didiagnosis dengan COVID-19.

### Perjalanan Domestik

Perjalanan yang dijalankan oleh **Anda** semasa **Tempoh Insurans** untuk tujuan melancang dan/atau bisnes:

- a) di dalam Malaysia;
- b) lebih daripada 50 kilometer dari kediaman atau tempat tinggal **Anda**; dan
- c) tidak termasuk mana-mana ulang-alik harian pergi dan balik dari tempat kerja **Anda**.

## **Pengendorsan**

Pengubahan bertulis kepada maklumat, terma, syarat atau jaminan terhadap Polisi ini.

## **Sukan dan Aktiviti Ekstrem**

Apa-apa aktiviti yang sangat berbahaya (iaitu melibatkan tahap kepakaran yang tinggi, usaha fizikal yang luar biasa, peralatan atau aksi yang khusus) termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Apa-apa jenis perlumbaan atau pertandingan selain daripada berlumba dengan menggunakan kaki;
- b) Mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali dan panduan), mendaki batu, mendaki dalam ruangan tertutup, penurunan cerun, atau meneroka gua;
- c) Mendaki atau menyusuri di kawasan terpencil melainkan dengan panduan berlesen;
- d) Apa-apa aktiviti yang melibatkan **Anda** berada di udara (sama ada digantung atau tidak) tidak terhad kepada payung terjun, terbang di dalam belon udara panas, luncur gantung, sukan terjun udara atau menyelam, atau aktiviti udara yang lain selain sebagai penumpang di dalam **Pengangkut Berjadual**;
- e) Lompat ski air atau sebarang aktiviti bawah laut yang melibatkan penggunaan alat pernafasan bawah air;
- f) Bola sepak, ragbi, atau bola sepak Amerika; atau
- g) Motocross, motocross bebas atau apa-apa jenis aktiviti menggunakan motorsikal di luar jalan raya.

## **Keluarga**

Suami/isteri **Anda** yang sah dan sebarang bilangan **Anak/ Anak-anak** yang dinamakan sebagai **Orang yang Diinsuranskan** dalam **Jadual Polisi**.

## **Vaksin Lengkap**

Pentadbiran dos lengkap vaksin **COVID-19** seperti yang disyorkan, ditetapkan dan diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tarikh **Anda** membeli Polisi ini.

## **Kawasan Geografi**

- a) Area 1 - Australia, Brunei, Kambodia, China (tidak termasuk Tibet dan Mongolia), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.
- b) Area 2 - Seluruh Dunia kecuali USA, Kanada dan Malaysia.
- c) Area 3 - Seluruh Dunia kecuali Malaysia.

## **Merampas / Rampasan**

Rampasan dan kawalan haram yang melibatkan **Pengangkut Berjadual** dengan penggunaan kekerasan atau penggunaan cara yang ganas.

## **Penyakit**

Keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patologikal daripada keadaan kesihatan biasa.

## **Ahli Keluarga Terdekat**

Pasangan **Anda** yang sah pada permulaan **Polisi**, anak, menantu lelaki, menantu perempuan, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk & nenek, datuk & nenek mertua, cucu, adik-beradik, atau adik-beradik ipar yang menetap di Malaysia.

## **Penyakit Berjangkit**

Penyakit yang boleh disebarluaskan dengan mudah seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kesihatan yang terpakai di destinasi dilindungi di mana kerugian berlaku.

## **Kecederaan**

Kecederaan tubuh yang disebabkan oleh **Kemalangan**.

## **Pengamal Perubatan**

Pengamal perubatan yang berkelayakan, berdaftar dan dileSENKEN oleh pihak berkuasa kesihatan/dewan perubatan/badan profesional untuk mengamalkan perubatan barat dan yang dalam memberikan rawatan sedemikian, mengamalkan profesionnya dalam skop perlesenan dan latihan pengamalan perubatan, dengan syarat **Pengamal Perubatan** itu bukan **Anda** dan/atau bukan **Ahli Keluarga Terdekat Anda**.

## **Mabuk Gunung**

Penyakit Akut Gunung (AMS), penyakit altitude, "hypobaropathy", atau "soroche" yang disebabkan oleh pendedahan akut kepada tekanan oksigen yang rendah pada altitud tinggi.

## **Perjalanan Antarabangsa**

Perjalanan untuk tujuan melancong atau bisnes ke mana-mana destinasi di luar Malaysia.

## **Tempoh Insurans**

Tempoh perlindungan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

## **Jadual Polisi**

Dokumen di mana maklumat peribadi **Anda**, **Tempoh Insurans**, jenis perlindungan, Pelan, Tarikh dikeluarkan, manfaat, premium dan jumlah yang diinsuranskan dinyatakan.

## **Pengangkutan Awam**

Perkhidmatan pengangkutan seperti bas berlesen, teksi, atau perkhidmatan pengangkutan yang sah, berlesen dan berjadual yang tersedia untuk penumpang yang membayar tambang di perhentian/stesen awam yang diiktiraf, dan perkhidmatan yang tidak diperolehi atas dasar pengaturan persendirian, termasuk tanpa had, pengangkutan yang diatur secara persendirian, disewa atau diatur sebagai sebahagian daripada lawatan, walaupun perkhidmatan itu dijadualkan.

## **Penyakit Sedia Ada**

Apa-apa kecacatan fizikal atau mental, atau **Penyakit** yang timbul daripada satu atau secara berterusan dari punca yang sedia ada 12 bulan sebelum **Tempoh Insurans** yang **Anda** sedar atau mempunyai pengetahuan yang munasabah. **Anda** mungkin dianggap menghidap penyakit sedia ada apabila:

- a) **Anda** telah atau sedang menerima rawatan;
- b) nasihat perubatan, diagnosa, jagaan atau rawatan telah disyorkan dan/atau diterima;
- c) gejala yang jelas dan tepat yang dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
- d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

## **Kuarantin**

Penahanan wajib dalam pengasingan untuk mengelakkan penyebaran **Penyakit Berjangkit**.

## **Pengangkut Berjadual**

Sebarang bentuk pengangkutan udara, darat atau air yang disediakan dan dikendalikan oleh pengangkut berlesen yang diberi kuasa sewajarnya untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada penumpang yang membayar tambang, beroperasi hanya pada laluan tetap dan ditetapkan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan pengangkutan tetap berjadual, dan termasuk pesawat yang dikendalikan oleh Syarikat penerbangan dan tidak termasuk sebarang **Pengangkutan Awam**.

## **Kecederaan Serius / Penyakit Serius**

**Kecederaan** atau **Penyakit** yang disahkan oleh **Pengamal Perubatan** sebagai serius dan memerlukan rawatan di hospital yang mengakibatkan **Anda** disahkan tidak sihat untuk melancang atau meneruskan **Perjalanan Anda**. Bagi **Ahli Keluarga Terdekat Anda**, ini bermaksud **Kecederaan** atau **Penyakit** yang disahkan berbahaya kepada nyawa oleh seorang **Pengamal Perubatan** dan yang mengakibatkan penamatatan atau pembatalan **Perjalanan**.

## **Ejen Pelancongan**

Individu atau syarikat yang mempunyai lesen yang sah dan berdaftar di Malaysia dengan badan berkuasa tertentu.

## **Teman Perjalanan Anda**

Seseorang yang mempunyai tempahan atau pengesahan perjalanan untuk menemani **Anda** dalam **Perjalanan** yang sama.

## **Perjalanan**

Lawatan yang bermula apabila **Anda** meninggalkan rumah atau tempat perniagaan **Anda** atau mana-mana destinasi di Malaysia (yang mana terkemudian) sehingga **Anda** kembali dan akan tamat di atas sebab-sebab di bawah yang mana berlaku terdahulu:

- a) Tarikh luput **Tempoh Insurans** yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**;
- b) Kepulangan **Anda** ke rumah atau tempat kerja **Anda** di Malaysia (yang mana terdahulu); atau
- c) 24 jam selepas ketibaan **Anda** di Malaysia (tidak berkenaan untuk **Perjalanan Domestik**).

Tempoh bagi setiap **Perjalanan** tidak boleh melebihi 120 hari berturut-turut dari tarikh **Perjalanan** bermula. Untuk perjalanan sehala, perlindungan akan berhenti 72 jam dari waktu ketibaan yang dijadualkan di destinasi akhir dan perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari.

## **Barangan Berharga**

Barangan peribadi bernilai tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada: barangan antik, karya seni, barangan yang dibuat daripada logam atau batu permata yang berharga, barang kemas, jam tangan, atau bulu binatang.

## **Kami/ Syarikat**

Berjaya Sompo Insurance Berhad.

## **Anda/Anda/Orang yang Diinsuranskan**

Setiap orang yang dinamakan dalam **Jadual Polisi**, yang berumur antara 30 hari dan bawah 80 tahun semasa **Perjalanan** dan warganegara Malaysia, pemastautin tetap, atau pemegang permit kerja atau pas pekerjaan yang sah (di mana tempat pekerjaan **Anda** mestilah di Malaysia semasa **Tempoh Insurans**), pas tanggungan, pas pelajar atau pas lawatan sosial jangka panjang tidak termasuk visa perjalanan (yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan di Malaysia) dengan hak penuh untuk masuk dan pulang ke Malaysia.

## APA YANG KAMI LINDUNGI

Kami akan membayar kepada **Anda** untuk apa-apa kerugian sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** semasa **Anda** dalam **Perjalanan** tertakluk kepada syarat, pengecualian dan had yang terkandung di dalam Polisi.

Bagi pelan Keluarga, had Keluarga akan dikenakan ke atas pembayaran manfaat.

Ia adalah syarat asas dan mutlak Polisi ini bahawa premium mesti dibayar dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan bermula.

### **Jadual Manfaat:**

MANFAAT	HAD SETIAP INDIVIDU/ SETIAP KEJADIAN	JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)				
		PERJALANAN ANTARABANGSA			PERJALANAN DOMESTIK	
		ELITE A	ELITE B	ELITE C		
<b>1 PERBELANJAAN PERUBATAN &amp; LAIN-LAIN</b>						
1.1	Perbelanjaan Perubatan, Hospital & Lain-Lain	Sehingga 70 tahun Di atas 70 tahun Setiap Keluarga	500,000 150,000 1,500,000	300,000 100,000 900,000	150,000 75,000 450,000	25,000 12,500 75,000
1.2	Perubatan Alternatif*	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000 2,000	1,000 2,000	N/A	500 1,000
1.3	Manfaat Penjagaan Simpati (kerana Anda dimasukkan ke dalam hospital) *	Setiap Individu Setiap Keluarga	7,500 22,500	7,500 22,500	5,000 15,000	N/A
1.4	Manfaat Penjagaan Simpati (kerana kematian Anda) *	Setiap Individu Setiap Keluarga	7,500 22,500	7,500 22,500	5,000 15,000	N/A
1.5	Rawatan Perubatan di Malaysia * <i>Rawatan susulan dalam tempoh 60 hari selepas pulang ke Malaysia</i>	Sehingga 70 tahun Di atas 70 tahun Setiap Keluarga	10,000 5,000 30,000	10,000 5,000 30,000	10,000 5,000 30,000	N/A
1.6	Manfaat Penjagaan Anak*	Setiap Individu Setiap Keluarga	5,000 15,000	5,000 15,000	N/A	N/A
1.7	Elaun Hospital*	Setiap Hari Setiap Individu Setiap Keluarga	250 10,000 30,000	250 10,000 30,000	N/A	150 1,500 4,500
1.8	Elaun Kuarantin Luar Negara Kerana COVID-19* <i>Kuarantin di Kemudahan Ditetapkan di luar negara.</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	2,000 4,000	2,000 4,000	1,000 2,000	N/A

\*Tertakluk kepada had dibayar untuk perkara 1.1

2 KEMALANGAN DIRI						
2.1	Kemalangan Diri a) Kematian akibat Kemalangan - Pelan Keluarga - Pelan Keluarga - Pelan Individu  b) Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh  c) Kehilangan penglihatan pada sebelah atau kedua-dua belah mata dan/atau kehilangan satu atau lebih anggota  Maksima setiap Keluarga untuk perkara 2.1	Setiap Dewasa Setiap Kanak-kanak Setiap Individu  Setiap Individu  Setiap Individu	250,000 62,500 250,000  250,000  250,000	200,000 50,000 200,000  200,000  200,000	100,000 25,000 100,000  100,000  100,000	100,000 25,000 100,000  100,000  100,000
		Setiap Keluarga	750,000	600,000	300,000	300,000

<b>3 PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN &amp; REPATRIASI</b>						
3.1	Pemindahan/ Repatriasi Perubatan Kecemasan	Setiap Individu	250,000	250,000	250,000	N/A
3.2	Repatriasi Jenazah	Setiap Individu	250,000	250,000	250,000	N/A
	<b>Had maksimum dibayar untuk perkara 3.1 dan 3.2</b>	Di atas 70 tahun	150,000	150,000	150,000	N/A
<b>4 KESULITAN PERJALANAN DAN MANFAAT-MANFAAT LAIN BERKAITAN PERJALANAN</b>						
4.1	Kehilangan Bagasi dan Barang Peribadi	Setiap Individu Setiap Keluarga	5,000 15,000	5,000 15,000	N/A	1,000 3,000
4.2	<b>Kelewatan Bagasi</b> <i>RM200.00 untuk kelewatan setiap 6 jam penuh berturut-turut.</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	800 2,400	800 2,400	N/A	400 1,200
4.3	Wang & Dokumen Peribadi	Setiap Individu Setiap Keluarga	5,000 15,000	5,000 15,000	N/A	N/A
4.4	<b>Kelewatan Perjalanan</b> <i>RM 200.00 untuk kelewatan setiap 6 jam penuh berturut-turut.</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	3,000 6,000	3,000 6,000	N/A	400 1,200
4.5	Laluan Perjalanan Diubah	Setiap Individu Setiap Keluarga	200 600	200 600	N/A	N/A
4.6	Kehilangan Deposit atau Pembatalan	Setiap Individu Setiap Keluarga	15,000 45,000	15,000 45,000	N/A	1,000 3,000
4.7	Pemendekan Perjalanan	Setiap Individu Setiap Keluarga	15,000 45,000	15,000 45,000	N/A	N/A
4.8	<b>Perjalanan Terlebih Tempahan</b> <i>RM200.00 untuk setiap 6 jam berturut-turut untuk pengangkutan penerbangan umum berjadual akibat terlebih tempahan dan pengangkutan alternatif tidak disediakan.</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000 3,000	1,000 3,000	N/A	N/A
4.9	<b>Kegagalan Menyambung Perjalanan</b> <i>RM200.00 jika tidak ada pengangkutan alternatif dalam masa 4 jam dari waktu ketibaan sebenar.</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	200 600	200 600	N/A	N/A
4.10	<b>Rampasan Pesawat/Kenderaan</b> <i>RM1,000.00 untuk rampasan setiap 24 jam penuh berturut-turut</i>	Setiap Individu Setiap Keluarga	8,000 24,000	8,000 24,000	N/A	N/A
4.11	Ketinggalan Perlepasan	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000 3,000	1,000 3,000	N/A	N/A
4.12	Kehilangan Deposit atau Bayaran Penuh disebabkan oleh Insolvensi Syarikat Penerbangan	Setiap Individu Setiap Keluarga	5,000 15,000	5,000 15,000	N/A	5,000 15,000
4.13	Liabiliti Diri	Setiap Individu Setiap Keluarga	1,000,000 3,000,000	1,000,000 3,000,000	N/A	N/A

#### Lanjutan Perlindungan Automatik

Sekiranya berlaku kelewatan di luar kawalan **Anda** sebagai penumpang yang memegang tiket **Pengangkut Berjadual** akibat daripada **Kecederaan Serius / Penyakit Serius** atau kelewatan yang tidak dapat dielakkan berlaku pada **Pengangkut Berjadual** yang **Anda** naiki semasa **Perjalanan**, dan perjalanan balik tidak dapat ditamatkan dalam **Tempoh Insurans**, Polisi ini akan dilanjutkan secara automatik sehingga 30 hari tanpa premium tambahan bagi tempoh tambahan tersebut bagi membolehkan **Anda** menamatkan lawatan dengan syarat kejadian tersebut dibenarkan di bawah insurans ini dan **Anda** hendaklah mempunyai rekod untuk membuktikan sebab berlakunya kelewatan.

## MANFAAT 1 - PERBELANJAAN PERUBATAN & LAIN-LAIN

### Untuk Perjalanan Antarabangsa

**Kami** akan membayar balik **Anda** untuk perbelanjaan yang ditanggung akibat **Kecederaan** atau **Penyakit** (termasuk **COVID-19**) yang dialami oleh **Anda** semasa **Tempoh Insurans**.

### Untuk Perjalanan Domestik

**Kami** akan membayar balik **Anda** untuk perbelanjaan yang ditanggung akibat **Kecederaan** atau **COVID-19** yang dialami oleh **Anda** semasa **Tempoh Insurans**.

#### Manfaat 1.1 – Perbelanjaan Perubatan, Hospital & Lain-lain

**Kami** akan membayar balik yuran atau caj atau perbelanjaan yang munasabah untuk:

- Perkhidmatan perubatan, pembedahan, hospital, rumah penjagaan atau perkhidmatan kejururawatan dan perkhidmatan ambulan kecemasan.
- Rawatan pergi-gian kecemasan untuk menghilangkan kesakitan mengejut atau rawatan untuk kerosakan ke atas gigi asal yang tidak rosak dengan syarat kerosakan tersebut disebabkan semata-mata oleh **Kecederaan** (kecuali penggantian gigi palsu dan korona).

#### Manfaat 1.2 - Perubatan Alternatif

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** akibat **Kemalangan** semasa **Perjalanan** dan mendapat rawatan perubatan alternatif, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan yang ditanggung untuk rawatan tersebut. Perubatan alternatif bermaksud rawatan daripada pengamal perubatan tradisional, pengamal osteopati, pakar fisioterapi dan/atau pengikat tulang yang berdaftar dengan syarat rawatan itu, dari mulanya, didapatkan daripada **Pengamal Perubatan**.

#### Manfaat 1.3 – Manfaat Penjagaan Simpati (kerana Anda dimasukkan ke dalam hospital)

**Kami** akan membayar balik untuk perbelanjaan tambahan penginapan dan perjalanan yang munasabah, terhad kepada tiket penerbangan ekonomi bagi seorang saudara atau rakan yang dikehendaki untuk menemani **Anda** dan kekal bersama dengan **Anda** atas nasihat **Pengamal Perubatan**.

#### Manfaat 1.4 – Manfaat Penjagaan Simpati (kerana kematian Anda)

**Kami** akan membayar balik kepada wakil **Anda** yang sah untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan hotel yang munasabah bagi seorang saudara atau rakan untuk membantu dalam urusan pengebumian dan pembakaran mayat di tempat berlakunya kematian jika kematian **Anda** disebabkan oleh **Kecederaan** atau **Penyakit** yang berlaku semasa **Perjalanan** dan tiada ahli keluarga yang dewasa bersama **Anda**.

**PENTING:** Hanya Manfaat 1.3 atau 1.4 akan dibayar untuk mana-mana satu kejadian.

#### Manfaat 1.5 – Rawatan Perubatan di Malaysia

**Kami** akan membayar balik untuk Rawatan Susulan yang ditanggung untuk tempoh maksimum 60 hari berikut ke pulangan **Anda** daripada **Perjalanan Anda** ke Malaysia.

“Rawatan Susulan” bermaksud sebarang rawatan perubatan, pemeriksaan atau pemeriksaan fizikal yang berterusan di Malaysia yang diperlukan dari segi perubatan untuk pemulihan penuh, selepas keluar dari hospital atau selepas rawatan utama bagi sebarang Kecederaan atau Penyakit yang berlaku semasa Perjalanan Luar Negara.

#### Manfaat 1.6 – Manfaat Penjagaan Anak

**Kami** akan membayar balik perbelanjaan tambahan penginapan, komunikasi, tiket penerbangan kelas ekonomi dan perjalanan yang munasabah di tempat berlakunya kejadian dan makanan yang ditanggung oleh seorang **Ahli Keluarga Terdekat** yang perlu menjaga dan/atau menemani anak **Anda**, yang berumur dibawah 18 tahun, yang ditinggalkan tanpa jagaan akibat kemasukan **Anda** ke hospital dan/atau menemaninya pulang ke Malaysia.

#### Manfaat 1.7 – Elaun Hospital

**Kami** akan membayar bagi setiap hari penuh anda dimasukkan ke hospital sebagai seorang pesakit semasa **Perjalanan**. Ini adalah sebagai tambahan kepada yuran atau caj atau perbelanjaan yang dibayar di bawah Manfaat 1.

#### Manfaat 1.8 – Elaun Kuarantin Luar Negara Kerana COVID-19

**Kami** akan membayar **Anda** jika **Anda** didiagnosis dan diuji positif dengan **COVID-19** semasa dalam **Perjalanan Antarabangsa** dan dikehendaki mematuhi **Kuarantin** wajib oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa kesihatan yang berkaitan. Manfaat ini hanya akan dibayar sekali bagi setiap **Perjalanan**.

#### Pengecualian untuk Manfaat 1.8

**Kami** tidak akan membayar untuk Manfaat 1.8:

- Jika tempoh **Kuarantin** bukan dalam **Tempoh Insurans**.

2. Jika perintah **Kuarantin** diberi mandat oleh kerajaan untuk semua pelancong yang tiba ke negara destinasi dan **Anda** tidak diuji positif dengan **COVID-19**.
3. Jika **Anda** diuji positif untuk **COVID-19** selain melalui ujian **PCR / RTK-Ag**.
4. Jika **Kuarantin** selain di **Kemudahan Yang Ditetapkan**.
5. Jika ujian **PCR / RTK-Ag** **Anda** tidak dilakukan oleh **Pengamal Perubatan** atau juruteknik makmal.

**PENTING:** Hanya Manfaat 1.7 atau 1.8 akan dibayar untuk mana-mana satu kejadian.

Untuk **Perjalanan Domestik**, Manfaat 1.1, 1.2 dan 1.7 disebabkan oleh **COVID-19** hanya terpakai jika **Anda** melakukan **Perjalanan** dengan syarikat penerbangan berjadual.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 1**

**Kami** tidak akan membayar untuk apa-apa **Penyakit**:

1. yang dialami semasa **Perjalanan Domestik** kecuali disebabkan oleh **COVID-19**.
2. akibat **Penyakit Berjangkit** yang diumumkan atau diberitahu sebagai wabak oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan di destinasi yang dilindungi atau pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga deklarasi oleh WHO atau pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan di destinasi dilindungi, diangkat.
3. disebabkan oleh **COVID-19** jika **Anda** tidak di **Vaksin Lengkap**.
4. kerana kegagalan **Anda** untuk memenuhi semua keperluan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan negara destinasi sebelum dan semasa **Perjalanan**.
5. Jika ujian **PCR / RTK-Ag** **Anda** tidak dilakukan oleh **Pengamal Perubatan** atau juruteknik makmal.

## **MANFAAT 2 - KEMALANGAN DIRI**

**Kami** akan membayar **Anda** atau wakil **Anda** yang sah atas kematian atau **Kecederaan Anda** yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.

#### **Manfaat 2.1 – Kemalangan Diri**

- a) Kematian;
- b) Hilang penglihatan secara menyeluruh dan kekal pada sebelah;
- c) Kehilangan menyeluruh akibat daripada pemotongan anggota secara fizikal dan kehilangan secara menyeluruh dan kekal penggunaan sebelah atau kedua-dua belah anggota; atau
- d) Ketidakupayaan secara menyeluruh dan kekal daripada melakukan apa-apa dan semua jenis pekerjaan.

Skala Pampasan	Jumlah Diinsuranskan (%)
<b>Kematian</b>	100
<b>Kehilangan Upaya Kekal dan menyeluruh untuk terlibat dalam sebarang pekerjaan yang sah</b>	100
<b>Kehilangan penglihatan pada sebelah atau kedua-dua belah mata dan/atau Kehilangan satu atau lebih anggota</b>	100

Jumlah maksimum yang akan dibayar untuk Manfaat 2.1 bagi kematian atau,satu atau lebih **Kecederaan** tidak boleh melebihi 100%.

## **MANFAAT 3 - PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN & REPATRIASI**

#### **Manfaat 3.1 – Pemindahan Perubatan Kecemasan/ Repatriasi**

**Kami** akan membayar kos pengangkutan udara atau darat, penjagaan perubatan semasa pengangkutan, komunikasi dan semua caj sampingan biasa yang ditanggung dalam memindahkan **Anda** dengan **Kecederaan Serius/ Penyakit Serius** yang menyebabkan kecemasan yang mengancam nyawa seperti kematian atau kemerosotan serius kepada kesihatan **Anda**, yang memerlukan pemindahan segera untuk mendapatkan rawatan perubatan di hospital terdekat di mana penjagaan perubatan yang sesuai tersedia, tidak semestinya ke Malaysia, seperti yang dinasihatkan dan diluluskan oleh penyedia perkhidmatan **Kami**.

Sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital di luar negara dan adalah perlu dari segi perubatan untuk membawa **Anda** pulang ke Malaysia untuk menerima rawatan, penyedia perkhidmatan **Kami** yang diberi kuasa akan menyediakan perkhidmatan penghantaran balik perubatan kecemasan berdasarkan nasihat **Pengamal Perubatan**. **Kami** akan membayar kos penghantaran balik yang munasabah dan perlu termasuk kos pengangkutan yang munasabah untuk 1 ahli perubatan yang berkelayakan untuk mengiringi **Anda**.

**Anda** mesti menghubungi talian bantuan SOMPO TravelSafe Kami di 603-7628 3860 secepat mungkin untuk meluluskan semua penghantaran balik perubatan kecemasan atau tuntutan **Anda** untuk kos tersebut akan ditolak.

Pembekal perkhidmatan **Kami** yang diberi kuasa akan menyediakan pemindahan perubatan kecemasan dan/atau repatriasi kepada **Anda**.

### **Manfaat 3.2 – Repatriasi Jenazah**

**Kami** akan membayar untuk kos menghantar jenazah ke Malaysia sekiranya berlaku kematian diakibatkan oleh **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa **Perjalanan**.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 3**

**Kami** tidak akan membayar sebarang tuntutan untuk Manfaat 3 yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari:

- 1) **Mabuk Gunung**;
- 2) **Penyakit Berjangkit** tidak termasuk **COVID-19**, yang diumumkan atau diberitahu sebagai wabak oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan di destinasi yang dilindungi atau pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga deklarasi oleh WHO atau pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan di destinasi dilindungi, diangkat.
- 3) Sebarang keadaan berkaitan **COVID-19** jika **Anda** tidak di **Vaksin Lengkap**.
- 4) kerana kegagalan **Anda** untuk memenuhi semua keperluan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan negara destinasi sebelum dan semasa **Perjalanan**.
- 5) Jika ujian **PCR/RTK-Ag** **Anda** tidak dilakukan oleh **Pengamal Perubatan** atau juruteknik makmal

## **MANFAAT 4 - KESULITAN PERJALANAN DAN MANFAAT-MANFAAT LAIN BERKAITAN PERJALANAN**

### **Manfaat 4.1 – Kehilangan Bagasi dan Barang Peribadi**

Kami akan membayar balik kepada Anda untuk kehilangan atau kerosakan atau kos pemberian bagasi dan barang peribadi Anda semasa dalam Perjalanan disebabkan kecurian, percubaan kecurian, rompakan, percubaan rompakan atau kecuaian **Pengangkut Berjadual**.

Bagasi dan barang peribadi mestilah:-

1. dibawa dan dimiliki oleh Anda;
2. dibeli oleh Anda semasa Perjalanan (termasuk pakaian dan barang peribadi yang dipakai atau dibawa oleh Anda); atau
3. bersama Anda dalam Perjalanan.

Bagi kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian semasa Perjalanan, laporan mesti dibuat dalam tempoh 24 jam selepas kecurian di balai polis terdekat atau pihak berkuasa yang berkaitan dalam bidang kuasa di mana kecurian berlaku dan salinan laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Kami untuk menyokong tuntutan.

Untuk kehilangan atau kerosakan item, bukti pembelian Anda seperti, tetapi tidak terhad kepada, resit, penyata bank atau penyata kad kredit, mesti diserahkan kepada Kami untuk menyokong tuntutan. Jika tiada bukti sedemikian dikemukakan, Kami boleh mengikut budi bicara mutlak Kami menolak tuntutan atau menerima pada nilai yang dikurangkan atau ditolak sebarang pampasan yang dibayar sama ada oleh Pembawa Berjadual atau sumber lain.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.1**

**Kami** tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Mana-mana kejadian yang mengakibatkan:
  - a) lebih daripada RM500.00 berkenaan setiap benda, pasangan atau set barang selain daripada komputer riba;
  - b) lebih daripada bahagian ikut kadar daripada nilai sesuatu barang pasangan atau set sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan;
  - c) lebih daripada RM1,000.00 berkenaan komputer riba;
  - d) lebih daripada RM2,000.00 berkenaan dengan **Barangan Berharga**.
2. Kehilangan atau kerosakan kepada:
  - a) binatang;
  - b) tumbuhan hidup atau hiasan, benih tumbuhan atau mana-mana derivatifnya;
  - c) bon, setem, dokumen identiti, kad pembayaran dan kredit, dokumen perjalanan, wang tunai, stok, instrumen boleh niaga dan sekuriti atau apa juja jenis dokumen;
  - d) kanta lekap atau kanta kornea, cermin mata, marmar, tembikar, cangkerang kura-kura, mentol atau injap, alat bantuan pendengaran, anggota palsu, gigi palsu atau penyambungan gigi atau dentur;
  - e) apa juja jenis kosmetik;
  - f) apa juja jenis aksesori termasuk aksesori fesyen;
  - g) maklumat atau data yang disimpan dalam pita, kad, cakera, atau medium simpanan lain;
  - h) herba tradisional, barang mudah rosak atau yang boleh dimakan atau botol atau mana-mana kerosakan berikut menyebabkannya terjadi demikian;

- i) basikal, kerusi roda, kereta tolak untuk bayi, kereta sorong atau kereta kecil bayi kecuali semasa mereka dibawa oleh perkhidmatan pengangkutan awam dan pengangkut;
  - j) harta benda khususnya dilindungi di tempat lain;
  - k) **Barangan Berharga** kecuali pada setiap masa ia dijaga oleh **Anda** atau disimpan di dalam peti simpanan hotel atau peti simpanan selamat;
  - l) barang yang mudah pecah, alat-alat muzik, arca dan barangani isi rumah;
  - m) telefon bimbit, alat kelui, peralatan komputer mudah alih (selain daripada komputer riba), termasuk alat bantuan digital peribadi dan aksesori-aksesorinya;
  - n) sebarang barang yang dipinjamkan, disewa atau diupah;
  - o) bagasi yang dihantar terlebih dahulu, diposkan atau dihantar secara berasingan;
  - p) barang seludup atau haram.
3. Kehilangan atau kerosakan akibat keadaan atmosfera atau iklim, haus dan lusuh atau susut nilai, gegat atau binatang perosak, kemerosotan beransur-ansur, kerosakan atau gangguan mekanikal atau elektrik, keburukan sedia ada;
4. Kehilangan atau kerosakan bagasi persendirian semasa **Anda** tidak berada di tempat penginapan **Anda** melainkan **Anda** sentiasa menjaganya;
5. Kehilangan atau kecurian harta yang ditinggalkan tanpa pengawasan di tempat awam atau di dalam kenderaan atau akibat kegagalan **Anda** untuk mengambil tindakan sewajarnya dan tindakan pencegahan untuk perlindungan dan keselamatan harta tersebut;
6. Kehilangan atau kerosakan disebabkan kecuaian di pihak **Anda**;
7. Kehilangan yang tidak dapat dijelaskan dan misteri; atau
8. Kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam dari masa apabila kehilangan itu disedari.

#### **Manfaat 4.2 – Kelewatan Bagasi**

**Kami** akan membayar **Anda** RM200.00 untuk setiap 6 jam penuh dimana bagasi **Anda** yang telah didaftar masuk ditangguhkan, disalah arahkan atau disalah letakkan buat sementara oleh **Pengangkut Berjadual**.

Tempoh kelewatan hendaklah dikira dari masa ketibaan di tempat pengambilan bagasi sehingga penerimaan atau penyerahan bagasi kepada **Anda**.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.2**

**Kami** tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Kelewatan bagasi yang tidak dilaporkan dengan segera kepada **Pengangkut Berjadual**;
2. Bagasi ditangguh secara sah, dipegang atau dirampas oleh kastam, polis atau pegawai lain;
3. Kelewatan bagasi apabila **Anda** kembali;
4. Kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pengesahan bertulis berkenaan tarikh dan masa sebenar penghantaran bagasi daripada pengangkut atau ejen pengendalian.

**PENTING:** Hanya Manfaat 4.1 atau 4.2 akan dibayar bagi kejadian yang sama.

#### **Manfaat 4.3 – Wang & Dokumen Peribadi**

**Kami** akan membayar balik untuk:

1. Kehilangan:
  - a) Dokumen perjalanan dan
  - b) Wang (wang tunai, cek perjalanan atau nota bank) yang dimiliki oleh **Anda** tertakluk kepada had RM800.00. Wang hendaklah disimpan oleh **Anda** setiap masa atau dalam peti besi hotel; hendaklah disimpan oleh **Anda** setiap masa atau dalam peti besi hotel disebabkan oleh kecurian atau rompakan semasa **Perjalanan**. Kehilangan berkenaan hendaklah dilaporkan kepada pihak polis di tempat kejadian kehilangan dalam tempoh 24 jam selepas berlakunya kejadian.
2. Apa-apa tambahan perbelanjaan perjalanan dan penginapan bagi tujuan mendapatkan pasport gantian, tiket perjalanan dan dokumen perjalanan lain yang berkaitan.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.3**

**Kami** tidak akan membayar tuntutan bagi kehilangan, kerosakan atau kecurian:

1. yang disebabkan oleh penangguhan atau rampasan atau penahanan oleh kastam, polis atau pegawai lain;
2. ketika dalam jagaan syarikat penerbangan atau pengangkut lain, kecuali jika dilaporkan serta-merta apabila kehilangan tersebut disedari dan dalam hal **Pengangkut Berjadual**, laporan harta janggal perlu diperolehi. Tuntutan hendaklah dibuat terhadap pihak pengangkut atau pihak berkuasa lain;
3. yang tidak dilaporkan kepada polis dalam tempoh 24 jam di tempat kejadian kehilangan;
4. wang dan dokumen yang ditinggalkan tanpa pengawasan di tempat awam atau di dalam kenderaan atau akibat kegagalan **Anda** untuk mengambil tindakan sewajarnya dan tindakan pencegahan untuk perlindungan dan keselamatan harta tersebut;
5. terhadap wang dan dokumen melainkan pembayaran balik oleh syarikat pengangkut atau hotel.

#### **Manfaat 4.4 – Kelewatan Perjalanan**

1. Jika kelepasan **Pengangkut Berjadual** yang **Anda** telah atur untuk perjalanan ditunda dari masa yang ditentukan dalam jadual asal yang dibekalkan kepada **Anda**, **Kami** akan membayar **Anda** RM200.00 untuk setiap 6 jam secara berturut-turut.
2. Jika mana-mana bahagian rancangan **Perjalanan** dibatalkan oleh sebab kelewatan tersebut, tetapi **Anda** masih meneruskan **Perjalanan**, **Kami** akan membayar balik **Anda** deposit yang fidak dapat dipulangkan atau bayaran yang dibayar terlebih dahulu atau dikontrak dibayar untuk bahagian-bahagian yang dibatalkan.

Kelewatan dalam bilangan jam hendaklah disahkan secara bertulis oleh **Pengangkut Berjadual** atau ejen pengendalian. Jika **Anda** berhak menerima pengembalian semua atau sebahagian daripada perbelanjaan berkenaan dari sumber lain, **Kami** hanya akan menanggung jumlah yang selebihnya dari jumlah yang akan dibayar balik oleh sumber lain.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.4**

**Kami** tidak membayar tuntutan yang *timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:*

1. kegagalan **Anda** untuk daftar masuk berdasarkan jadual yang diberikan kepada **Anda**
2. kegagalan mendapatkan pengesahan bertulis daripada syarikat pengangkut atau ejen pengendalian tentang kelewatan dalam bilangan jam;
3. mogok, rusuhan atau tindakan perindustrian yang wujud pada tarikh **Anda** membeli insurans ini;
4. **Anda** terlewat tiba ke lapangan terbang atau pelabuhan selepas daftar masuk atau masa masuk yang telah ditetapkan (kecuali kelewatan disebabkan oleh mogok atau tindakan perindustrian);
5. Pemberitahuan telah dibuat kepada **Anda** mengenai pembatalan / penjadualan semula perkhidmatan **Pengangkut Berjadual** sekurang-kurangnya 24 jam sebelum **Perjalanan**;
6. Perbelanjaan tambahan yang ditangguh, jika mana-mana bahagian **Perjalanan Anda** dibatalkan, ditunda atau ditangguhkan.

#### **Manfaat 4.5 – Laluan Perjalanan Diubah**

**Kami** akan membayar **Anda** RM200.00 sekiranya ketibaan **Pengangkut Berjadual** yang telah **Anda** atur untuk perjalanan, berlepas mengikut jadual tetapi ketibaan ke destinasi yang dirancang **Anda** ditangguh selama sekurang-kurangnya 6 jam dari masa yang dinyatakan dalam jadual perjalanan yang dibekalkan kepada **Anda** disebabkan tindakan mogok atau perindustrian, keadaan cuaca yang buruk atau kerosakan mekanikal.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.5**

**Kami** tidak membayar tuntutan yang *timbul secara langsung atau tidak langsung dari:*

1. **Pengangkut Berjadual** yang telah **Anda** atur untuk perjalanan dibatalkan atau ditangguhkan semasa berlepas dan menyebabkan penangguhan ketibaan ke destinasi yang dijadualkan **Anda**;
2. Kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pengesahan bertulis berkenaan bilangan jam kelewatan dan sebab penangguhan daripada pengangkut atau ejen pengendalian;
3. Mogok atau tindakan perusahaan yang wujud pada tarikh **Anda** membeli Polisi ini.

#### **Manfaat 4.6 – Kehilangan Deposit atau Pembatalan**

##### **1. Pembatalan**

**Kami** akan membayar balik untuk kehilangan deposit yang tidak dipulangkan atau pembayaran terlebih dahulu atau bayaran yang perlu dibayar oleh **Anda** untuk **Perjalanan Anda** jika terjadinya pembatalan yang tidak dapat dielakkan yang disebabkan oleh:

- a) kematian **Anda**, **Kecederaan Serius/ Penyakit Serius Anda** atau kematian, **Kecederaan Serius/ Penyakit Serius Ahli Keluarga Terdekat Anda** dalam tempoh 60 hari dari tarikh **Perjalanan**. Sijil kematian perlu disertakan dan nasihat bertulis daripada **Pengamal Perubatan** yang merawat **Anda** atau **Ahli Keluarga Terdekat Anda** mengesahkan **Anda** harus membatalkan **Perjalanan** disebabkan **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius**.
- b) bencana semulajadi di destinasi yang dijadualkan oleh **Anda**.
- c) rusuhan, mogok, kekecohan sivil yang berlaku di luar kawalan **Anda** di tempat tujuan.
- d) panggilan untuk menjadi saksi, yang tidak diketahui **Anda** sebelum pengambilan Polisi ini.
- e) kerosakan serius kepada kediaman daripada kebakaran, banjir, atau bencana alam yang berlaku di antara 1 minggu sebelum memulakan **Perjalanan** dan **Anda** perlu untuk berada di premis pada hari **Anda** sepatutnya memulakan **Perjalanan**.
- f) **Anda** atau **Ahli Keluarga Terdekat Anda** yang tinggal di rumah yang sama, atau **Teman Perjalanan Anda**, didiagnosis dan diuji positif untuk **COVID-19** dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh berlepas yang dijadualkan.

##### **2. Penangguhan atau Penundaan**

Sekiranya **Perjalanan Anda** tertangguh atau tertunda disebabkan oleh perkara di atas di dalam 1.a) hingga 1.f). **Kami** akan membayar balik untuk sebarang caj tambahan oleh **Anda** yang disebabkan oleh pindaan tarikh perjalanan.

Di bawah Manfaat 4.6, Polisi ini berkuatkuasa pada terbitan **Jadual Polisi** dan tamat pada permulaan **Perjalanan** yang dirancang.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.6**

**Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian

- a) jika Polisi ini dibeli kurang dari 14 hari dari tarikh permulaan **Perjalanan Anda**.

- b) disebabkan diagnosis positif **COVID-19** dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh pembelian Polisi **Anda**.  
c) jika **Anda** menangguhkan **Perjalanan Anda** semata-mata disebabkan oleh wabak atau nasihat perjalanan yang berkaitan dengan pandemik, termasuk tetapi tidak terhad kepada penutupan sempadan, perintah **Kuarantin**, arahan kerajaan yang dikeluarkan oleh kerajaan atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk negara destinasi atau negara asal.

**PENTING:** **Anda** hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen 4.6.1 atau 4.6.2 bagi kejadian yang sama.

#### **Manfaat 4.7 — Pemendekan Perjalanan**

Kami akan membayar balik mengikut perkadaran yang setimpal dengan perbelanjaan yang berbayar terdahulu untuk kos pra-bayar **Perjalanan** yang dirancang yang tidak dapat dipulihkan seperti yang dinyatakan dalam bil tempahan, berdasarkan pengiraan pro rata dari tarikh ketibaan **Anda** kembali ke Malaysia sehingga tamat **Perjalanan** yang dirancang atau tamat **Tempoh Insurans** yang mana lebih awal, yang perlu dan tidak dapat dielakkan atas sebab Pemendekan (sebagaimana ditakrifkan) **Perjalanan** yang timbul daripada:

1. **Kecederaan Serius / Penyakit Serius Anda.**
2. kematian yang tidak dijangka, **Kecederaan Serius /Penyakit Serius** yang berlaku ke atas **Ahli Keluarga Terdekat** atau **Teman Perjalanan Anda**.
3. **Rampasan** kapal terbang yang mana **Anda** menaiki sebagai penumpang.
4. bencana alam di destinasi **Anda** yang dijadualkan.
5. kerosakan serius kepada kediaman **Anda** daripada kebakaran, banjir atau bencana alam yang memerlukan **Anda** untuk berada di premis tersebut.
6. berlakunya rusuhan, mogok atau kekecohan sivil yang berlaku semasa **Perjalanan** yang berada diluar kawalan **Anda** di destinasi yang dirancang yang boleh membahayakan **Anda**.
7. **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** didiagnosis dengan **COVID-19** semasa dalam **Perjalanan Antarabangsa** atau **Ahli Keluarga Terdekat Anda** didiagnosis dengan **COVID-19** dan **Anda** perlu memendekkan **Perjalanan Anda** untuk kembali ke **Malaysia**.

Jika kos pra-bayar terhad kepada tiket kapal terbang sahaja, pembayaran balik akan diberikan kepada sektor tiket perjalanan yang belum digunakan.

Sijil perubatan hendaklah diperolehi dari **Pengamal Perubatan** yang merawati **Anda**, **Ahli Keluarga Terdekat Anda** atau orang yang melancong bersama **Anda** mengesahkan kepulangan **Anda** ke Malaysia atas sebab **Kecederaan Serius /Penyakit Serius**.

Bagi **Rampasan** atau kematian **Anda**, perkadaran yang setimpal dengan kos berbayar terdahulu yang tidak boleh dipulangkan hendaklah dikira bermula dari tamat **Perjalanan** yang dirancang atau tamat **Tempoh Insurans** yang mana lebih awal.

Perlindungan hanya berkuatkuasa jika Polisi ini dibeli sebelum **Anda** mengetahui keadaan yang akan menyebabkan rancangan **Perjalanan** tergendala.

"Pemendekan" bermaksud menghentikan perjalanan dan pulang ke tempat kediaman di Malaysia bagi **Perjalanan** yang telah dirancang setelah tiba di destinasi seperti yang dinyatakan dalam bil tempahan.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.6 dan 4.7**

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Peraturan atau Akta Kerajaan, kelewatan atau pemindaan **Perjalanan** yang ditempah (termasuk kesilapan, pengabaian atau kemungkaran) okeh mana-mana pihak yang memberi khidmat untuk **Perjalanan** yang ditempah dan juga **Ejen Pelancongan** atau pengendali pelancong di mana **Perjalanan** ini ditempah;
2. Bankrap, insolven atau kemungkiran daripada ejen pelancongan atau syarikat pengangkut;
3. Perniagaan **Anda**, kewangan atau obligasi kontrak atau teman perjalanan **Anda**;
4. Keberatan **Anda** untuk melancong atau keadaan kewangan;
5. Atas sebab **Anda** atau teman perjalanan **Anda** melanggar undang-undang atau didakwa melainkan **Anda** atau teman **Perjalanan Anda** adalah di sapina sebagai saksi di Mahkamah;
6. Kegagalan **Anda** memberitahu pengendali pelancong atau **Ejen Pelancongan** atau pihak yang memberi perkhidmatan pengangkutan atau penginapan tentang pembatalan atau penangguhan perjalanan dengan serta merta;
7. Apa-apa perbelanjaan tambahan yang ditanggung, jika mana-mana bahagian **Perjalanan** yang **Anda** rancang dibatalkan, ditunda atau ditangguhkan.
8. **Penyakit Berjangkit** tidak termasuk **COVID-19** yang diumumkan atau diberitahu sebagai wabak oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan di destinasi yang dilindungi atau pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga deklarasi oleh WHO atau pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan di destinasi dilindungi, diangkat.
9. Sebarang keadaan berkaitan **COVID-19** jika **Anda** tidak di Vaksin Lengkap
10. **COVID-19**, jika ujian PCR/ RTK-Ag **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** tidak dilakukan oleh **Pengamal Perubatan** atau juruteknik makmal
11. **COVID-19**, jika **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda** diuji positif untuk **COVID-19** selain melalui ujian **PCR / RTK-Ag**.
12. kerana kegagalan **Anda** untuk memenuhi semua keperluan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan negara destinasi sebelum dan semasa Perjalanan.

**PENTING:** Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Manfaat 4.6 atau 4.7 bagi kejadian yang sama.

#### **Manfaat 4.8 – Perjalanan Terlebih Tempahan**

Kami akan membayar Anda RM200.00 untuk setiap 6 jam kelewatan, jika Anda tidak dibenarkan menaiki pengangkutan penerbangan umum berjadual akibat terlebih tempahan dan tiada pengangkutan gantian yang diberi kepada Anda.

Butiran bertulis mengenai penerbangan Anda mestilah diperolehi daripada syarikat perkhidmatan pengangkutan penerbangan umum atau ejen pengendalian mereka.

#### **Manfaat 4.9 – Kegagalan Menyambung Perjalanan**

Kami akan membayar Anda RM200.00, jika Anda gagal menaiki pengangkutan umum sambungan yang mana pengesahan telah dibuat akibat kelewatan pengangkutan penerbangan umum berjadual Anda dan tiada pengangkutan gantian diberikan dalam jangka masa 4 jam daripada masa sebenar ketibaan pengangkutan penerbangan umum Anda.

Butiran bertulis mengenai kegagalan penyambungan penerbangan mestilah diperolehi oleh Anda daripada syarikat perkhidmatan pengangkutan penerbangan umum atau ejen pengendalian mereka.

#### **Manfaat 4.10 – Rampasan Pesawat/Kenderaan**

Kami akan membayar Anda RM1,000.00 untuk setiap 24 jam jika Pengangkut Berjadual yang Anda naiki dirampas semasa Anda dalam Perjalanan ke luar negara.

#### **Manfaat 4.11 – Ketinggalan Perlepasan**

Kami akan membayar balik untuk perbelanjaan tambahan bagi penginapan dan pengangkutan yang munasabah untuk Anda pulang ke Malaysia, akibat perkhidmatan pengangkutan awam tergendala untuk Anda sampai ke pelabuhan berlepas, lapangan terbang atau stesen keretapi seperti yang tertera pada tiket Anda.

Anda mesti mendapatkan butiran bertulis mengenai perkhidmatan pengangkutan awam tergendala daripada syarikat perkhidmatan pengangkutan atau ejen pengendalian mereka.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.11**

Kami tidak akan membayar bagi kejadian yang diakibatkan oleh kegagalan Anda selain kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam untuk daftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan berdasarkan jadual perjalanan Anda.

#### **Manfaat 4.12 – Kehilangan Deposit Atau Bayaran Penuh Disebabkan oleh Insolvensi Syarikat Penerbangan**

Jika syarikat penerbangan dari mana Anda membeli tiket penerbangan diisyihar insolvensi dan Anda tidak dapat meneruskan Perjalanan Anda, Kami akan membayar balik untuk kerugian atau kehilangan deposit yang tidak dapat dipulangkan atau bayaran penuh yang dibayar dahulu untuk tiket penerbangan Anda.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.12**

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul daripada tiket penerbangan yang dibeli untuk penerbangan komersil yang tidak dijadualkan.

#### **Manfaat 4.13 – Liabiliti Diri**

Kami akan menanggung liabiliti undang-undang disebabkan oleh:

- 1) **Kecederaan** kepada pihak ketiga.
- 2) Kehilangan atau kerosakan tidak disengajakan kepada harta benda pihak ketiga.

Sebagai tambahan, Kami akan menanggung:

- 1) Kos dan perbelanjaan pihak ketiga yang boleh dituntut dari Anda.
- 2) Kos dan perbelanjaan Anda yang dibenarkan secara tertulis berkaitan dengan liabiliti undang-undang Anda.

#### **Dengan syarat:**

- 1) Tiada seorang pun berhak untuk mengakui liabiliti atau memberi apa-apa representasi atau akuanji lain bagi pihak Anda melainkan dengan persetujuan bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- 2) Kami berhak untuk menjalankan semua prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan tuntutan atas nama Anda dan memperuntukkan semua hak untuk mengambil tindakan atas nama Anda.

#### **Pengecualian untuk Manfaat 4.13**

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul atau akibat daripada:

- 1) Liabiliti majikan, liabiliti perjanjian atau liabiliti ke atas ahli Ahli Keluarga Terdekat Anda;
- 2) Harta benda kepunyaan Anda atau atas jagaan atau kawalan Anda;
- 3) Sebarang tindakan yang disengajakan berniat jahat atau menyalahi undang-undang;
- 4) Penglibatan dalam perdagangan, perniagaan atau pekerjaan;

- 5) Pemilikan atau sebagai penghuni tanah atau bangunan (selain daripada tempat kediaman sementara);
- 6) Pemilikan atau penggunaan kenderaan, kapal udara atau kapal air atau kenderaan pengangkutan lain;
- 7) Kos undang-undang yang timbul daripada apa-apa prosiding jenayah;
- 8) Pengaruh alkohol, pendakian gunung, perlumbaan meluncur, terjun luncur, hoki ais, memandu atau menunggang dalam perlumbaan atau penggunaan senjata api;
- 9) Pengadilan yang bukan pertama kali diberikan oleh atau diterima dari Mahkamah Perundangan di Malaysia.

### PENGECUALIAN AM (TERTAKLUK KEPADA SEMUA MANFAAT)

**Kami** tidak akan membayar tuntuan yang:

1. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
  - a) **Penyakit Sedia Ada Anda**;
  - b) **Anda** membunuh diri atau mencuba untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan, sengaja mendedahkan diri kepada keadaan bahaya (melainkan untuk menyelamatkan nyawa) atau melakukan jenayah;
  - c) **Anda** berada di bawah kesan atau pengaruh alkohol atau ubat, selain daripada ubat yang diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
  - d) AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan Human Immunodeficiency Virus (HIV) dan/atau sebarang derivatif mutasi ('mutant derivatives') atau variasi disebabkan;
  - e) Kehamilan **Anda**, kelahiran anak (pembedahan Caesarean), pengguguran anak, keguguran dan lain-lain kesulitan yang berkaitan melainkan keguguran yang disebabkan oleh kecederaan tubuh akibat kemalangan;
  - f) **Perjalanan Anda** adalah bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau **Perjalanan Anda** adalah untuk mendapatkan rawatan perubatan atau pemeriksaan perubatan;
  - g) Kegagalan anda untuk mendapatkan sebarang vaksin mandatori, inkulasi atau ubat-ubatan yang ditetapkan sebelum **Perjalanan**.
  - h) Penyakit mental **Anda**, psikotik, kemurungan, tekanan, gangguan kebimbangan atau gangguan saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
  - i) Polisi ini tidak akan melindungi apa-apa kerugian, **Kecederaan**, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari perjalanan yang dirancang atau perjalanan sebenar di, atau melalui Afganistan, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Korea Utara, Somalia, Sudan Selatan, Sudan, Syria, Crimea (termasuk Sevastopol), Venezuela dan Zimbabwe;
  - j) Sebarang keadaan sekiranya Polisi ini dibeli setelah **Perjalanan** dimulakan; atau
  - k) Sebarang keadaan yang berlaku yang mengakibatkan **Anda** tidak dapat atau tidak berupaya untuk membuat **Perjalanan** tersebut dan **Anda** telah maklum tentang keadaan itu pada masa **Anda** mengambil Polisi atau semasa menempah perjalanan (yang mana terkemudian).
2. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku melalui, atau akibat daripada:
  - a) Mengambil bahagian secara profesional dalam sukan atau permainan atau dimana **Anda** mendapat pendapatan atau penggajian, penajaan, derma atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan lain diatas penglibatan **Anda** dalam sukan atau permainan tersebut; atau
  - b) Penyertaan **Anda** dalam **Sukan dan Aktiviti Ekstrim**.
3. Timbul daripada:
  - a) Aktiviti luar pesisir seperti menyelam (bukan rekreasi), melombong, pekerjaan di pelantar minyak, fotografi udara atau mengendalikan letupan;
  - b) Penerbangan udara selain sebagai penumpang berbayar dengan **Pengangkut Berjadual** atau pesawat berlesen;
  - c) Penyertaan **Anda** dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian yang secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh tindakan Pihak Kerajaan termasuk rampasan, penyitaan, kemusnahan dan sekatan;
  - d) Kehilangan atau kerosakan kepada peralatan yang disewa atau pajak; ujian ke atas kenderaan;
  - e) Bekerja di atas kapal dagangan, tentera laut, askar atau tentera udara, bertugas sebagai tentera atau polis secara tetap atau sementara, bertugas di luar Negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan, pekerjaan manual yang berkaitan dengan sebarang perdagangan, penggajian dan pekerjaan;
  - f) Membuat tinjauan, pemasangan pelantar minyak atau kemudahan yang sedang dibina termasuk peninjauan dari udara;
  - g) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusuhan (samada peperangan diisyitiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebarigkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan oleh perintah mana-mana kerajaan;
  - h) Apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan atau yang disumbangkan oleh **Anda** menjalankan mana-mana **Perjalanan** berikutan amaran mengenai apa-apa wabak penyakit, mogok yang dimaksudkan, rusuhan atau kekecohan awam, atau bencana alam yang berlaku melalui atau oleh media massa umum;
  - i) Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada teriradiasi bahan api nuklear atau daripada sebarang bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuclear.
  - j) Bahan radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahan berbahaya lain daripada mana-mana pemasangan letupan nuklear atau komponen nuklear;

- k) Sebarang serangan keganasan menggunakan bahan Nuklear, Biologi dan Kimia;
- l) Penglibatan **Anda** secara langsung dalam aktiviti rampasan; atau
- m) Sebarang kerugian turutan yang timbul dari mana-mana yang diatas.

### BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN

**Anda** boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada **Kami**. Pemberitahuan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh **Kami** menerima notis **Anda** atau tarikh yang dinyatakan dalam notis **Anda**, yang mana terdahulu. Tiada bayaran balik premium dibenarkan apabila Polisi **Anda** dikeluarkan.

**Kami** boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar **Anda** 14 hari notis bertulis ke emel atau alamat pos terakhir **Anda** yang diketahui oleh **Kami** dan **Kami** akan membayar balik premium pada kadar pro rata kepada **Anda** untuk **Tempoh Insurans** yang belum tamat.

### BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN

#### Notis dan Bukti Tuntutan:

Sebarang kejadian yang boleh menyebabkan tuntutan hendaklah dilaporkan kepada **Kami** secara bertulis dalam masa 30 hari selepas ia berlaku dan:

- 1) **Anda** hendaklah tanpa kelewatan mendapatkan dan bertindak atas nasihat **Pengamal Perubatan**.
- 2) Segala **Perakuan, Maklumat Dan Bukti** akan dibekalkan oleh **Anda** kepada **Kami**.
- 3) **Kami** tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kematian, kerugian atau **Kehilangan Upaya Kekal** jika tiada tuntutan dimaklumkan kepada **Kami** dalam tempoh 30 hari selepas **Kemalangan**.

**Anda** boleh menghantar dokumen-dokumen ke email **Kami** iaitu customer@bsompo.com.my atau menyerahkannya ke Pusat Khidmat Pelanggan **Kami** di Tingkat 36, Menara Bangkok Bank, 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

TINDAKAN / DOKUMEN YANG DIPERLUKAN DALAM PENYERAHAN TUNTUTAN	
Jenis Tuntutan	Apa yang harus saya lakukan atau serahkan?
Wajib untuk Semua Jenis Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Borang Tuntutan yang lengkap dan ditandatangi sewajarnya.</li> <li>b) Tiket Penerbangan atau Jadual Penerbangan.</li> </ul>
<b>Dokumen atau tindakan tambahan yang diperlukan bergantung pada jenis tuntutan:</b>	
Kemalangan Diri	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Laporan perubatan dari <b>Pengamal Perubatan</b> yang merawat.</li> <li>b) Laporan Polis.</li> <li>c) Sijil Kematian (jika berkenaan).</li> <li>d) Laporan Post Mortem (jika berkenaan).</li> </ul>
Perbelanjaan Perubatan, Hospital & Lain-Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Laporan perubatan dari <b>Pengamal Perubatan</b> yang merawat.</li> <li>b) Invois dan resit perubatan yang asal bagi semua amaun yang dituntut (tersenarai).</li> <li>c) Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk kos pengebumian atau pembakaran mayat atau pengangkutan mayat.</li> <li>d) Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk perjalanan dan penginapan tambahan.</li> </ul>
Pemindahan Perubatan Kecemasan & Repatriasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>e) Untuk Pemindahan Kecemasan Perubatan &amp; Repatriasi, <b>Anda</b> mesti menghubungi Talian SOMPO TravelSafe <b>Kami</b> di 603-7628 3860 untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Kegagalan berbuat demikian akan membatalkan tuntutan untuk kos tersebut.</li> <li>f) Salinan keputusan ujian <b>RTK-Ag/ PCR</b> (jika berkenaan).</li> <li>g) Bukti vaksin lengkap <b>COVID-19</b>.</li> </ul>
Kehilangan Bagasi dan Barang Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sediakan keterangan barang (jenama/model), tahun pembelian dan harga pembelian.</li> <li>b) Laporan polis memperincikan keadaan dan senarai barang-barang yang dicuri.</li> <li>c) "Borang Laporan Ketidakakuratan Harta" daripada Syarikat Penerbangan atau "Perakuan Kerosakan" daripada Pengangkutan, pengurus hotel menyatakan butiran kehilangan atau kerosakan.</li> <li>d) Gambar yang menunjukkan kerosakan bagasi (tahap kerosakan dan jenama).</li> </ul>
Kelewatan Bagasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Laporan kelewatan bagasi dari syarikat penerbangan.</li> </ul>

Kehilangan Wang dan Dokumen Peribadi	a) Laporan Polis memperincikan keadaan dan senarai barang-barang yang dicuri.. b) Resit asal bagi kos tambahan ditanggung dalam mengganti dokumen perjalanan yang hilang.
Kelewatan Perjalanan	a) Pas masuk.
Laluan Perjalanan Diubah	a) Pengesahan bertulis dari syarikat penerbangan yang berkenaan mengesahkan jangka masa kelewatan dan sebab-sebab kelewatan.
Kehilangan Deposit Atau Pembatalan	a) Laporan perubatan, Sijil Kematian, bukti status perhubungan dan lain-lain, mengikut keadaan. b) Resit asal bagi bayaran pelancongan. c) Invois tempatan dan pembatalan pengendali pelancongan/pembayaran balik invois, terma dan syarat. d) Salinan keputusan ujian <b>RTK-Ag/ PCR</b> . e) Bukti vaksin lengkap <b>COVID-19</b> .
Pemendekan Perjalanan	a) Pengesahan bertulis dari <b>Pengamal Perubatan</b> yang merawat bahawa adalah perlu untuk pulang ke rumah. b) Laporan perubatan, Sijil Kematian, bukti status perhubungan dan lain-lain, mengikut keadaan. c) Jika kerana rampasan atau bencana alam, pengesahan bertulis dari pengendali pelancongan berkenaan mengesahkan kejadian itu. d) Pas masuk menaiki pesawat untuk sahkan tarikh sebenar ketibaan balik ke Malaysia. e) Salinan keputusan ujian <b>RTK-Ag/ PCR</b> . f) Bukti vaksin lengkap <b>COVID-19</b>
Perjalanan Terlebih Tempahan	a) Pengesahan bertulis dari syarikat penerbangan berkenaan mengesahkan butir penerbangan yang terlebih tempahan dan waktu pengangkutan alternatif yang berikutnya ada .
Kegagalan Menyambung Perjalanan	a) Pas masuk.
Rampasan Pesawat / Kenderaan	a) Pengesahan bertulis dari syarikat penerbangan berkenaan mengesahkan kejadian dan jangka masa
Ketinggalan Perlepasan	a) Resit asal bagi belanja yang dituntut untuk perbelanjaan tambahan penginapan & perjalanan. b) Pengesahan bertulis dari perkhidmatan pengangkutan awam berkenaan mengesahkan kerosakan mekanikal..
Kehilangan Deposit atau Bayaran penuh disebabkan oleh Insolvensi Syarikat Penerbangan	a) Resit asal bayaran tiket penerbangan. b) Resit tempahan serta syarat-syarat tempahan dan jadual <b>Perjalanan</b> . c) Bukti bertulis daripada Jabatan Insolven Malaysia mengenai status insolvensi syarikat penerbangan.
Liabiliti Diri	a) JANGAN AKUI LIABILITI b) Sampaikan sebarang surat menyurat tanpa dijawab dari pihak ketiga kepada <b>Kami</b> dengan serta merta.

Sila ambil perhatian dalam keadaan tertentu, **Kami** mungkin memerlukan maklumat tambahan; Tanggapan awal **Anda** akan mempercepatkan proses tuntutan **Anda**.

#### BAGAIMANA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA

##### Salah Nyataan /Penipuan

Polisi ini akan menjadi tidak sah dalam mana-mana kedaan berikut:

- 1) Jika cadangan atau pengisyiharan **Anda** tidak benar;
- 2) Jika ada fakta material yang mempengaruhi risiko salah dinyatakan atau ditinggalkan oleh **Anda**;
- 3) Sekiranya insurans atau pembaharuan ini diperolehi melalui salah nyata, salah nyataan atau penindasan;
- 4) Jika ada perisyiharan palsu, kenyataan palsu, tuntutan penipuan atau dibesar-besarkan yang dibuat oleh **Anda**.

##### Perakuan, Maklumat Dan Bukti

Semua dokumen (sijil, maklumat, laporan dan bukti perubatan) seperti yang dikehendaki oleh **Syarikat** hendaklah diserahkan atas perbelanjaan **Anda**, dan dalam apa-apa bentuk yang **Kami** mungkin menghendaki.

##### Undang-Undang

Polisi ini dikawal oleh, dan hendaklah ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

## **Bidang Kuasa**

Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Polisi ini akan ditentukan oleh mahkamah di Malaysia.

## **Insurans Lain**

- 1) Tiada orang akan diinsuranskan di bawah lebih daripada satu polisi insurans perjalanan yang dikeluarkan oleh **Kami**. Sekiranya **Anda** dilindungi di bawah lebih daripada satu polisi sedemikian, **Kami** akan menganggap bahawa **Anda** hanya dilindungi di bawah polisi yang memberikan manfaat paling tinggi.
- 2) Jika pada masa kehilangan, kerosakan atau liabiliti yang timbul di bawah Polisi ini, terdapat insurans lain yang disediakan oleh syarikat lain yang melindungi **Anda** untuk kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, **Kami** hanya akan memberi pembayaran mengikut kadar yang berpatutan.

## **Penentuan Umur**

Dalam sebarang tuntutan, umur **Anda** akan ditentukan pada tarikh **Kecederaan** atau **Penyakit** dengan merujuk kepada tarikh lahir **Anda**.

## **Hak Pemulihan**

Sekiranya **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** yang diberi kuasa telah membenarkan pembayaran yang ditanggung oleh **Anda** yang tidak bertanggungjawab oleh **Kami**, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** yang diberi kuasa berhak untuk mendapatkan kembali terhadap **Anda** untuk jumlah penuh yang ditanggung oleh **Anda**.

## **Subrogasi**

**Kami** berhak untuk mendapatkan semula pampasan atas nama **Anda** daripada mana-mana pihak ketiga yang menyebabkan kerugian atau kerosakan kepada manfaat yang dilindungi oleh Polisi ini atas perbelanjaan **Kami** sendiri dan untuk manfaat **Kami**.

## **Sanksi Had Fasal Pengecualian**

Tidak ada syarikat insurans hendaklah disifatkan untuk memberi perlindungan dan tidak ada syarikat insurans akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat dibawah ini kepada tahap di mana penyediaan perlindungan itu, pembayaran tuntuan atau peruntukan manfaat seperti itu akan mendedahkan syarikat insurans itu untuk apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi PBB atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat dagangan atau sekatan ekonomi

Sila potong atau snap kad berikut dan pastikan ia boleh digunakan untuk menghubungi Hotline jika memerlukan bantuan kecemasan.



 **BERJAYA SOMPO INSURANCE**  
**SOMPO TravelSafe HOTLINE**

FOR EMERGENCY WORLDWIDE ASSISTANCE  
Call our 24-Hour Hotline:

**603 7628 3860**  
(Reverse charge)

Service Provider:  
**ASIA ASSISTANCE NETWORK (M) SDN BHD**